

Pelajar Malaysia perlu berfikiran kritikal – Mustapa

UM- 30/3/2007

Oleh NORLIZA ABD. RAHMAN

PUTRAJAYA 29 Mac – Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed hari ini menerima kunjungan 19 pelajar Universiti Harvard, Amerika Syarikat yang sedang mengikuti Projek Pelajar Harvard di Asia (HCAP).

Semua pelajar berkenaan terdiri daripada tujuh lelaki dan 12 perempuan kini sedang mengikuti projek lapan hari bermula semalam di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai, Johor.

UTM adalah universiti pertama di negara ini yang dipilih bersama lima universiti lain di Asia bagi menyertai program berkenaan sejak ia diwujudkan pada 2003.

Universiti yang terpilih sebelum ini adalah Universiti Peking di China, Universiti Hong Kong, Universiti Nasional Singapura, Universiti Tokyo di Jepun dan Kolej St. Xavier di Mumbai, India.

Dalam pertemuan tersebut, Mustapa mengambil kesempatan menjelaskan kepada pelajar terbabit mengenai peranan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dalam menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pengajian tinggi menjelang 2020.

Mustapa menjelaskan, KPT bertanggungjawab melahirkan graduan yang mampu memenuhi keperluan sumber tenaga di dalam negara dan antarabangsa.

“Sebagai sebuah negara membangun, bidang pendidikan menjadi fokus utama dan kerajaan menyediakan kemudahan prasarana pengajian tinggi yang mencukupi, setanding dengan amalan yang terbaik digunakan di peringkat antarabangsa.

“Kita juga menjalin hubungan strategik

di antara institusi pengajian tinggi tempatan dengan institusi pengajian tinggi luar negara serta institusi penyelidikan ternama dalam dan luar negara dalam bidang penyelidikan, pembangunan dan komersial,” katanya ketika sesi dialog bersama pelajar-pelajar terbabit di pejabatnya di sini hari ini.

Hadir sama, Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Datuk Ir. Zulkifli Mohd. Ghazali.

Bercakap kepada para pemberita kemudian, Mustapa berkata, pada pemerhatiannya pelajar Malaysia masih lagi malu untuk melontarkan pendapat.

Katanya, mereka perlu diajar supaya lebih berfikiran kritikal, inovatif, menanam sikap ingin tahu serta dapat menjelaskan satu-satu perkara dengan bijak.

Sepanjang lapan hari di Malaysia, pelajar terbabit akan diberi peluang menyaksikan Majlis Konvokesyen ke-38 UTM, melawat dan menanam bakau di Taman Negara Tanjung Piai, Pulau Kukup.

Selain itu, mereka turut berpeluang menghadiri persidangan *Managing Cultural Diversity Towards Universal Prosperity* dan tinggal bersama keluarga angkat serta lawatan ke kawasan perkelahan Desaru.

Pelajar tahun dua hingga empat Universiti Harvard itu turut dibawa melawat Melaka, Cyberjaya, Menara Berkembar Petronas di Kuala Lumpur dan mengunjungi pejabat Kedutaan Amerika Syarikat.

Sementara itu, Ketua HACP, Daniel Mejia, 22, berkata, keadaan sebenar negara ini amat berbeza dengan apa yang digambarkan sebelum ini dan beliau kagum dengan pembangunan pesat di Malaysia.



MUSTAPA Mohamed berbual mesra dengan sebahagian daripada pelajar program Harvard College In Asia (HCAP) ketika menerima kunjungan pelajar tersebut di pejabatnya di Putrajaya, semalam. Turut hadir, Ir. Zulkifli Mohd. Ghazali (kanan sekali).

– Gambar SAIFUL BAHARI ASHARI

“Sebelum ini apabila menyebut Asia, apa yang kami gambarkan ialah India dan China, pengetahuan mengenai Malaysia amat sedikit tetapi selepas tiba di sini segala-galanya berubah.

“Kami bertuah diberi peluang mengikuti program ini dan bertemu dengan menteri (Pengajian Tinggi). Kami akan kongsi pengalaman ini bersama Presiden dan dekan kami di universiti kerana budaya kita amat berbeza,” katanya.